



## KENYATAAN MEDIA

### STRUKTUR MENARA KOMUNIKASI DI KG. GASAK, CHINI, PEKAN, PAHANG ALAMI KEROSAKAN AKIBAT PERBUATAN VANDALISME

**CYBERJAYA, 18 OGOS 2023** - Menara komunikasi di Kg. Gasak Chini di daerah Pekan, Pahang mengalami kerosakan akibat vandalisme. Hasil tinjauan MCMC mendapati kerosakan melibatkan peralatan elektronik yang tidak boleh digunakan semula dan terpaksa diganti dengan yang baharu tertakluk kepada stok tersedia.

Akibat daripada kerosakan tersebut, perkhidmatan telekomunikasi seperti Celcom, Digi dan Maxis telah mengalami gangguan liputan perkhidmatan 4G memandangkan menara di Kg. Gasak merupakan menara *collector* dan *Multi Operator Core Network* (MOCN).

Gangguan liputan ini turut memberi kesan kepada lapan lagi menara lain yang dirangkaikan melalui menara ini. Lapan lokasi yang turut terjejas liputan telekomunikasi adalah seperti berikut:

1.	Pekan Chini	5.	Felda Chini Timur 1
2.	Chini	6.	Felda Chini 5
3.	Kg Gemapai	7.	Chini Plantation
4.	Ramo Chini 3	8.	Chini Timur 2



Kesan vandalisme ke atas menara komunikasi Kg. Gasak, Pekan, Pahang

Kerja-kerja baik pulih akan mengambil masa berikutnya kerosakan teruk kepada menara komunikasi Kg. Gasak.

Usaha-usaha sedang giat dijalankan oleh pihak CelcomDigi yang mencari penyelesaian jangka pendek dan interim dengan perkongsian *bandwidth* daripada gentian optik sedia ada di Pekan Chini. Oleh kerana *bandwidth* yang terhad, hanya beberapa menara sahaja yang dijangka akan dapat dipulihkan untuk perkhidmatan sementara disediakan selewat-lewatnya hari Sabtu, 19 Ogos 2023.

## KOMUNIKASI KORPORAT MCMC

**Suruhanjaya Komunikasi dan Multimedia Malaysia** | Malaysian Communications and Multimedia Commission  
MCMC Tower 1, Jalan Impact, Cyber 6, 63000 Cyberjaya, Selangor MALAYSIA  
T: + 60 3 86 88 80 00 | F: + 60 3 86 88 10 00 | E: scd@mcmc.gov.my | W: [www.mcmc.gov.my](http://www.mcmc.gov.my)



Suruhanjaya Komunikasi  
Dan Multimedia Malaysia



MCMC\_RASMI



SKMM\_MCMC



MCMCTV